B. Pilih ayat yang betul.

1. A Cikgu Hani berpesan kepada kami agar tidak bising walaupun berada di dalam perpustakaan.
   B Manakala leka memilih barang, Yati disapa oleh jiran lamanya.
   C Wendy membuat persiapan semenjak esok dia akan menghadiri temu duga.
   D Ibu mencedok lauk di dalam periuk lalu menghidangkannya kepada ayah.

2. A Rahim dapat berlari dengan lajunya walaupun badannya agak gempal.
   B Suhaira menyapu lantai supaya Janet menyusun meja.
   C "Ibu berharap untuk kamu tidak mengikut jejak langkah abang kamu itu," kata ibu.
   D Natisha ditegur oleh ayahnya lalu lewat pulang ke rumah.

Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

(i) Puan Hana yakin yang tindakannya terhadap anaknya itu betul.

_____

(ii) "Awak hendak ikut kami serta tidak?" tanya Dalilah.

_____

(iii) Bella suka bermain anak patung sambil adiknya pula suka bermain basikal.

_____

(iv) Sungguhpun dia anak orang kaya lantas dia tidak sombong.

_____

(v) Surfina menggunakan duit tabungnya kerana membeli buku.

_____

B. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

Entah ... entah	kerana	kecuali
yang	Jangankan ... pun	

(i) Kereta _____ dipandu oleh wanita itu terbabas ke bahu jalan.

(ii) Jia Hui tidak jadi pergi ke rumah rakannya _____ hujan lebat.

(iii) Semua murid hadir semasa mesyuarat persatuan itu _____ Fateha.

(iv) _____ betul, _____ tidak khabar yang dibawa oleh Mak Cik Salma itu.

(v) _____ awak, rakan baiknya sendiri _____ tidak dijemput ke majlis itu.

LIVEWORKSHEETS